MSWG

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

18 August 2017

SUARA MSWG

Penyenaraian Saham Dwikelas

Penjelasan daripada Bursa Malaysia yang mengatakan bahawa ia tidak mempunyai rancangan untuk memudahkan penyenaraian saham dwikelas di Bursa memberikan kelegaan kepada kami di MSWG.

Jika tidak, langkah itu menjadi penafian yang besar kepada salah satu prinsip pasaran modal utama iaitu satu undi untuk satu saham. Walaupun pasaran lain membenarkannya, terutama A.S., Brazil, Kanada, Perancis, Itali, Sweden, Switzerland, Denmark, Rusia dan Finland, risiko tetap ada.

Penyenaraian saham dwikelas ini menggalakkan penyalahgunaan kuasa pengurusan termasuk pinjaman antara syarikat yang merugikan, penggabungan/ pengambilalihan dan urus niaga pihak berkaitan, kesemuanya dengan alasan 'pemilik tahu yang terbaik'.

Seperti yang kita maklum, ada pelbagai cara berbeza untuk menyalahgunakan perniagaan demi mendapatkan keuntungan peribadi.

Majlis Pelabur Institusi di Amerika Syarikat yang mana anggotanya mengawasi pengurusan lebih $23 trilion aset sedia maklum tentang risiko ini. Mereka mahu menghalang saham tanpa undi ini daripada indeks saham walaupun indeks saham Amerika sendiri merupakan pasaran pilihan syarikat seperti Alibaba, Google dan Snap.

Pendek kata, Bursa melakukan perkara yang betul dengan mengelak daripada membenarkan saham dwikelas. Manfaatnya kepada syarikat yang berhasrat, jika ada sekalipun, akan terhapus dalam jangka masa panjang oleh potensi kesalahan ke atas integriti pasaran dan perlindungan pelabur.

Niaga Hadapan Ringgit Singapura: Ya atau Tidak?

Adakah Bank Negara berhak menghukum Bursa Saham Singapura (SGX) dan Intercontinental Exchange (ICE) kerana memperkenalkan kontrak niaga hadapan ringgit?

Terpulang!

Walaupun fungsi utama Bank Negara ialah merangka dan melaksanakan dasar monetari yang menyediakan pertumbuhan dan peluang pekerjaan yang konsisten sambil mempromosikan kestabilan sistem kewangan negara, namun boleh dibahaskan sama ada BNM mempunyai hak dan keistimewaan untuk mengenakan diktatnya kepada negara lain.

Dalam erti kata lain, mata wang diurus Malaysia yang tidak bersifat antarabangsa telah memaksa campur tangan Bank Negara.

Situasi ini memaksa peserta dalam pasaran domestik berasaskan tunai di Malaysia untuk melindung nilai pendedahan ringgit dalam pesisir mereka di dalam pasaran Niaga Hadapan Tidak Boleh Diserah (NDF). Ini mengakibatkan pasaran luar pesisir menentukan arah Ringgit, sama ada ke atas atau ke bawah.

Bank Negara meletakkan keutamaan untuk menangani perubahan melampau sejak kebelakangan ini. Namun situasi ini bertambah buruk dan mendatangkan kekecewaan kepada pembuat dasar kita apabila pada realiti, nilai Ringgit menggambarkan sentimen dan tidak semestinya fundamental ekonomi.

Justeru, ringgit kekal sebagai isu domestik. Persoalannya ialah sama ada ia mempunyai hak untuk mempersoalkan keputusan bidang kuasa lain untuk memperkenalkan produk yang mengancam dasar. Lebih-lebih lagi apabila ia datang daripada pusat kewangan yang mungkin hanya bertindak balas terhadap permintaan pasaran.

Walaupun tindakan Singapura merupakan satu kesalahan secara teori terhadap dasar Malaysia (dan pengambilannya terhad, mengambilkira pengaruh serantau berterusan Malaysia), isu yang lebih besar adalah sama ada mata wang tempatan masih sah dalam kedudukannya sekarang.

Atau adakah kedudukannya menjadi lebih baik jika ia didagangkan sepenuhnya di peringkat antarabangsa? Sesungguhnya status sedemikian memerlukan penambahbaikan dan peningkatan struktur.

PASUKAN MSWG

18 Ogos 2017

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

GOLDEN PLUS HOLDINGS BERHAD ("GPHB")

Menurut pengumuman terakhir GPHB di laman web Bursa Malaysia, sekuriti GPHB sudah pun dikeluarkan daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia pada 19 April 2016.

[Sumber: Pengumuman GPHB di laman web Bursa Malaysia pada 14 April 2016]

KOMEN MSWG:

GPHB telah disingkirkan daripada Bursa Malaysia kerana ia gagal mengumumkan/ mengeluarkan penyata kewangan tahunan syarikat yang diaudit dan laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 dan semua laporan suku tahunan serta penyata kewangan beraudit tahun-tahun berikutnya. Syarikat itu akhirnya mengeluarkan penyata kewangan beraudit dan laporan tahunan lima tahun sebelum ini pada bulan Ogos 2017 serta mengadakan AGM pada 18 Ogos 2017 di Nexus Resort & Spa Karambunai di Kota Kinabalu.

MSWG adalah pemegang saham GPHB tetapi kami tidak menerima apa-apa notis berkaitan AGM itu sehingga seorang pemegang saham GPHB memaklumkannya kepada kami beberapa hari sebelum mesyuarat itu diadakan.

Sehubungan itu, kami khuatir sama ada notis AGM GPHB sudah pun disampaikan dengan sewajarnya kepada semua pemegang saham. Kami juga mendapati lokasi AGM berbeza daripada lokasi AGM

biasa di Kuala Lumpur iaitu tempat syarikat beroperasi dan tempat tinggal majoriti pemegang saham. Pemilihan lokasi nampak menyusahkan, seolah-olah tidak menggalakkan para pemegang saham menghadiri mesyuarat itu seterusnya melaksanakan hak mereka dalam AGM.

Kami menggesa para pengawal selia termasuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Bursa Malaysia, untuk mengawal selia syarikat yang sudah dinyah senarai untuk memastikan mereka terus mematuhi semua peraturan yang berkaitan. Kepentingan para pemegang saham tidak boleh diambil ringan.

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 21 – 25 OGOS 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
22.08.17 (Selasa) 09.00 pagi	POS Malaysia Bhd (AGM)	Holiday Inn Kuala Lumpur Glenmarie, 1, Jalan Usahawan U1/8, Shah Alam
22.08.17 (Selasa) 09.30 pagi	Hartalega Holdings Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, No. 1A, Jalan Bukit Kiara 1, KL
22.08.17 (Selasa) 03.00 petang	IJM Plantations Bhd (AGM)	Holiday Villa Hotel & Suites Subang, 9 Jalan SS12/1, Subang Jaya
23.08.17 (Rabu) 09.30 pagi	Turiya Bhd (AGM)	Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bukit Damansara, KL
23.08.17 (Rabu) 09.30 pagi	FIMA Corporation Bhd (AGM)	Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Jalan Bukit Kiara, KL
23.08.17 (Rabu) 11.00 pagi	Southern Acids (M) Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam, Shah Alam
23.08.17 (Rabu) 03.00 petang	IJM Corporation Bhd	Holiday Villa Hotel & Suites Subang, 9 Jalan SS12/1, Subang Jaya
23.08.17 (Rabu) 03.00 petang	Kumpulan Fima Bhd (AGM)	Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Jalan Bukit Kiara, KL
24.08.17 (Khamis) 10.00 pagi	MNRB Holdings Bhd (AGM)	Bangunan Malaysian Re, No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, KL
24.08.17 (Khamis) 12.30 tengah hari	KPJ Healthcare Bhd (EGM)	Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, Johor
25.08.17 (Jumaat) 10.00 pagi	QL Resources Bhd (AGM)	Saujana Resort, Jalan Lapangan Terbang SAAS, Shah Alam
25.08.17 (Jumaat) 11.00 pagi	United Malacca Bhd (AGM)	Bangunan United Malacca Berhad, Taman Melaka Raya, Melaka
25.08.17 (Jumaat) 03.00 petang	UMW Oil & Gas Bhd (EGM)	Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat Off Jalan Travers, KL

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	**Perkara/ Isu Untuk Diajukan**
POS Malaysia Bhd (AGM)	Perniagaan Perkhidmatan Pos Kumpulan mencatatkan kerugian operasi sebanyak RM146.5 juta dalam TK2017 berbanding RM98.8 juta pada TK2016. i. Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan trend kerugian operasi ini akan berterusan untuk TK2018? ii. Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi segmen perniagaan ini? iii. Melihat kos menyelenggara rangkaian pos yang tinggi, adakah Syarikat mengambil apa-apa langkah pemotongan kos untuk menyelaraskan perniagaan Perkhidmatan Pos di seluruh negara?
Hartalega Holdings Bhd (AGM)	1) Pesaing kuat Syarikat sudah pun mempelbagaikan portfolio mereka selepas menghadapi kemunduran dalam bahagian pasaran. Adakah Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan langkah yang sama untuk meluaskan jangkauannya ke sektor huluan atau sektor lain bagi melindungi Kumpulan daripada kesan dasar yang mungkin dikenakan oleh kerajaan Malaysia? 2) Baru-baru ini pengawal selia China berjanji untuk mengurangkan lebihan kapasiti industri. Langkah ini mungkin menyebabkan gangguan ke atas operasi pengeluar sarung tangan di China: (i) Adakah eksport Kumpulan ke China mendapat manfaat daripada pengurangan lebihan kapasiti ini? Apakah strategi Kumpulan dalam memperluaskan pasarannya ke China? (ii) Apakah jangkaan sumbangan daripada operasi di China kepada jumlah pendapatan Kumpulan? (iii) Sila maklumkan para pemegang saham mengenai aktiviti utama Foshan Dynamic Limited, yang merupakan anak syarikat milik 70% tidak langsung di China. Mengapakah Foshan Dynamic Limited tidak dimasukkan dalam senarai pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari pada halaman 113 Laporan Tahunan 2017?
IJM Plantations Bhd (AGM)	Kekurangan tenaga kerja sudah menjadi isu mendesak dalam industri kelapa sawit. Ia menyebabkan beberapa syarikat kerugian berjuta-juta ringgit akibat kehilangan pendapatan. (i) Sejauh manakah tahap kritikal masalah kekurangan buruh dalam Kumpulan dan adakah masalah ini menyebabkan kehilangan pendapatan dalam TK2017? (ii) Bolehkah Lembaga kongsikan mekanisma yang dilaksanakan dan keputusan yang dicapai dari sudut nisbah buruh sehektar atau jumlah penjimatan kos? (iii) Berapa peratus jumlah pekerja asing kepada jumlah pekerja semasa dalam Kumpulan?
Turiya Bhd (AGM)	Seperti yang dinyatakan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MD & A) pada halaman 9 Laporan Tahunan, pasaran pejabat di Lembah Klang dijangka terus lemah pada 2017 dan 2018 dengan peningkatan penawaran. Apakah langkah utama yang akan diambil untuk menangani risiko lebihan penawaran?
FIMA Corporation Bhd (AGM)	Penyata Pengerusi melaporkan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) Kumpulan untuk TK2016/17 menyusut sebanyak 20.8% kepada RM61.3 juta berbanding RM77.3 juta yang dicatatkan pada tahun lepas. Penurunan dalam PBT adalah disebabkan oleh

Perkara penting untuk diajukan:	
	kerugian penurunan nilai bersih sebanyak RM29.4 juta yang ditanggung oleh anak syarikat 80% miliknya iaitu PT Nunukan Jaya Lestari ("PTNJL"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Indonesia. Laporan Juruaudit Bebas pada halaman 85 Laporan Tahunan berpendapat Kumpulan mungkin tidak dapat memulihkan amaun dibawa hartanah, loji dan peralatan serta aset biologi yang berkaitan dengan penanaman kelapa sawit di kawasan yang terjejas, yang merekodkan kerugian daripada rosot nilai berjumlah RM44.7 juta. (i) Bolehkah Lembaga Pengarah jelaskan Laporan Juruaudit Bebas di bawah Perkara Audit Utama yang hasil rayuan itu hanya dapat disahkan jika berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan sepenuhnya di bawah kawalan Kumpulan? (ii) Apakah peristiwa masa hadapan yang tidak dapat dipastikan itu memandangkan hakmilik tanah Hak Guna Usaha ("HGU") PTNJL dikeluarkan pada tahun 2003 tetapi kini dianggap tidak dikeluarkan dengan betul disebabkan oleh ketidakpatuhan pentadbiran, menyebabkan sebahagian kawasan dalam HGU bertindih dengan kawasan perhutanan? (iii) Adakah Lembaga Pengarah mempunyai sebarang pelan kontingensi sekiranya Mahkamah Rayuan memutuskan untuk memihak kepada Mahkamah Pentadbiran Negeri?
Southern Acids (M) Bhd (AGM)	Bahagian Oleokimia mencatatkan peningkatan yang ketara dalam pendapatan iaitu 28.6% daripada RM284 juta pada TK2016 kepada RM365.2 juta pada TK2017, disebabkan harga jualan purata dan jumlah jualan yang lebih tinggi. Apakah prospek untuk bahagian ini dan adakah Lembaga Pengarah meramalkan yang ia dapat terus menikmati harga jualan dan jumlah jualan yang lebih tinggi pada TK2018?
IJM Corporation Bhd (AGM)	Dalam TK2017, Bahagian Hartanah memfokuskan kepada menyesuaikan produk mereka untuk memenuhi keperluan pelanggan selain melepaskan inventori semasa dalam tangan. (i) Melihat sentimen pasaran yang lemah, keperluan pinjaman yang ketat, peningkatan kos sara hidup dan ketidakpastian ekonomi, apakah produk yang paling sesuai dengan keperluan pelanggan dari segi harga, lokasi, saiz dan jenis? Apakah pula yang menjadi tumpuan utama Bahagian Hartanah Syarikat pada masa hadapan? (ii) Apakah kadar tempahan terkini untuk projek yang dilancarkan pada TK2017? (iii) Berapakah peratusan bangunan siap dalam inventori pada 31 Mac 2016 yang dilupuskan pada TK2017?
Kumpulan Fima Bhd (AGM)	Menurut Penyata Pengerusi, sumbangan daripada Bahagian Pembuatan kekal mantap manakala prestasi Bahagian Makanan dan Perladangan boleh dibanggakan dan terus menjadi pemacu pertumbuhan yang berpotensi walaupun menghadapi cabaran keadaan perdagangan yang sukar dalam sektor industri Bahagian Pemukalan. (i) Bagaimanakah Lembaga Pengarah mengatur strategi untuk tiga (3) matlamat utama Kumpulan iaitu (i) untuk meningkatkan pendapatan yang menguntungkan, (ii) untuk menghasilkan pulangan yang kukuh daripada modal yang digunakan dan (iii) menjana tunai yang akan menggerakkan dan disokong oleh empat (4) pemacu strategi namun pada masa yang sama terjejas oleh peristiwa yang tidak dijangka dalam anak syarikat Indonesianya,

Perkara penting untuk diajukan:	
	PTNJL? (ii) Bolehkah Lembaga terangkan tentang keutamaan penting yang dikenal pasti oleh Bahagian Pengilangan di tengah-tengah pengurangan perbelanjaan modal dalam TK2017 daripada RM7.8 juta pada TK2016 kepada RM1.81 juta, sementara menunggu tamatnya tempoh kontrak bekalan dokumen perjalanan tertentu dalam Bahagian Pembuatan? (iii) Bagaimanakah Lembaga Pengarah menangani cabaran dan isu dalam Bahagian Makanan dan operasi utamanya di Papua New Guinea yang terjejas oleh persaingan pasaran untuk produk import yang lebih murah, tekanan pengguna terhadap kenaikan harga, permintaan yang rendah dengan penurunan nilai bagi produk ikan tenggiri dalam tin di tengah-tengah trend menaik untuk produk tuna namun diancam kelestarian bekalan ikan akibat penangkapan ikan yang berlebihan serta perubahan iklim? (iv) Mengapakah pendapatan daripada perdagangan ikan menurun sebanyak 28.2% daripada RM25.242 juta kepada RM18.119 juta dalam TK2017, pada margin keuntungan yang tipis?
MNRB Holdings Bhd (AGM)	1. Seperti yang dinyatakan dalam penilaian segmen perniagaan Takaful Am, Liberalisasi Tarif Kenderaan dan Kebakaran ("MFD") akan mewujudkan persaingan kepada para pemain segmen. Bolehkah Syarikat jelaskan cabaran yang dihadapi oleh portfolio perniagaannya serta langkah yang diambil untuk menangani risiko perniagaan yang dijangkakan dalam industri? Sila huraikan strategi Syarikat untuk mengambil langkah segmentasi terpilih untuk portfolio perniagaannya. 2. Apakah persediaan dan pelan yang diambil oleh Syarikat untuk menangani pemberhentian penyerahan sukarela ("VC") apabila ia tamat tempoh pada Disember 2019? Sila huraikan mengenai program T20 dan bagaimanakah ia dapat mengekalkan prestasinya selepas tamat tempoh VC?
QL Resources Bhd (AGM)	Halaman 22 dalam Laporan Tahunan menyatakan, QL telah membuka 14 kedai FamilyMart setakat 7 Julai 2017, kesemua di Lembah Klang. Fokus terdekat adalah untuk mengisi ruang di Lembah Klang sebelum meluaskan pasaran di tempat lain. (i) Bolehkah Lembaga Pengarah berikan anggaran jumlah kedai FamilyMart yang akan dibuka untuk TK2018? (ii) Apakah anggaran rangka masa untuk membuka kedai FamilyMart di luar Lembah Klang?
United Malacca Bhd (AGM)	Kami mendapati hasil buah segar bertandan (FFB) dan kadar pengekstrakan minyak (OER) Syarikat berada dalam trend menurun sejak lima tahun lalu. (i) Selain cuaca buruk, adakah sebarang faktor lain yang menyebabkan penurunan hasil FFB dan OER Syarikat? (ii) Berbekalkan usaha berterusan untuk meningkatkan hasil dan OER, ditambah pula dengan pelaksanaan pelbagai langkah untuk mengurangkan impak negatif daripada musim kemarau yang berpanjangan, adakah hasil FFB dan OER Syarikat dijangka bertambah baik pada TK2018 dan seterusnya?
UMW Oil & Gas Bhd (EGM)	Seperti yang dinyatakan pada halaman 30 (Nota 14) dalam Pekeliling, sekiranya Pinjaman Pemegang Saham dibayar balik, nisbah penggearan akan dikurangkan kepada kira-kira 0.49 kali.

Perkara penting untuk diajukan:	
	(i) Bagaimanakah Kumpulan akan mendapatkan pembiayaan tambahan untuk berbuat demikian sedangkan di bawah Proforma II (Halaman 28), pelaksanaan waran penuh telah diandaikan yang mana akan mengurangkan nisbah penggearan kepada hanya 0.56 kali (sebelum membayar balik Pinjaman Pemegang Saham)? (ii) Apakah kadar faedah yang dikenakan ke atas Pinjaman Pemegang Saham? Apakah terma pembayaran balik sepanjang tempoh 5 tahun?

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas
Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.